



مجلس بندري ايفوه

MAJLIS BANDARAYA IPOH

Jalan Sultan Abdul Jalil,
Greentown,
30450 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

SALINAN PEMOHON

Telefon : 05-208 3384
05-208 3230
Fax : 05-208 3553
Laman Web : www.mbi.gov.my

GERGASI BARU SDN BHD
NO.28A, JALAN LANG JAYA 1,
PUSAT KOMERSIAL LANG JAYA,
30010 IPOH, PERAK.



NO. PERMIT	A6	7	87	25
TARIKH DIKELUARKAN	18 JULAI 2025			
NO. RESIT/INDEN/LO	92097818 / 17.07.2025			
JUMLAH	RM 2,378.00			

Tuan,

KEBENARAN SERTA PERMIT BAGI KERJA-KERJA PENGOREKAN DI DALAM RIZAB JALAN DI DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA IPOH

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat tuan mengenai perkara di atas dan memaklumkan bahawa kebenaran adalah diberi di bawah UNDANG-UNDANG MALAYSIA Sek. 39, 40, 41 dan 42, AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 untuk kerja-kerja di dalam kawasan Rizab Jalan berikut dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di Lampiran (JLT 5/86 pindaan 1/90 yang dilampirkan bersama-sama ini).

A JALAN

LOKASI	PELAN NO :
DI LALUAN TASEK TIMUR 6 DAN JALAN BERCHAM (A183)	

B PERMIT

TARIKH	MULA	TAMAT
	18 JULAI 2025	17 OKTOBER 2025
HARI KERJA	MASA	
ISNIN - SABTU	8.00 PAGI	6.00 PETANG
AHAD/CUTI AM	8.00 PAGI	6.00 PETANG
MALAM	8.00 MALAM	6.00 PAGI

C SYARAT-SYARAT

- Permit hendaklah sentiasa berada di tempat pengorekan dan sebarang pertukaran jajaan hendaklah dimaklumkan kepada pihak Majlis Bandaraya Ipoh.
- Sila hubungi EN. MEOR MUSTAFFA B. HJ. ZAKARIA di talian 019 - 589 0088 bagi memaklumkan tarikh mula kerja dan setelah kerja pengorekan selesai dilakukan.
- Kerja-kerja pengorekan dibenarkan pada waktu SIANG sahaja (8.00 pg - 6.00 ptg) kecuali bagi kawasan-kawasan Pusat Bandar dan yang berkaitan/bersyarat hendaklah dilakukan pada waktu MALAM (10.00 mlm - 6.00 pg).
- Semua kerja-kerja pemotongan jalan hendaklah menggunakan "Road Cutter" sebelum mengorek jalan.
- Kerosakan yang berlaku akibat dari kerja korekan dan yang berkaitan seperti bebendul, longkang, scupper, bahu jalan dan lain-lain perlu diperbaiki ataupun ganti semula.
- Tiada longgokan bahan binaan (cth : pasir, crusher run) di atas jalan yang berturap.
- Memastikan bahan korekan jalan dibuang terus dari tapak dan diganti bahan yang baru (pasir & crusher run).
- Turapan semula pada permukaan jalan yang dikorek.
- Memasang papan tanda amaran/lalulintas yang mencukupi dan memasang lampu amaran (blinkers) pada waktu malam.
- Bahan-bahan binaan yang diletakkan di atas bahu jalan hendaklah dikepong dengan papan tanda keselamatan yang mencukupi dan lebihannya dikeluarkan dari bahu jalan setelah kerja siap.
- Tidak dibenarkan menebang atau merosakkan pokok-pokok tanaman pada bahu jalan.
- Pemohon dikehendaki mengambil "Insuran" bagi sebarang tuntutan awam. MBI tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kemalangan disebabkan kerja pengorekan ini.
- Sila kembalikan Borang D (Notis Siap Kerja Korek Jalan) yang dilengkapkan beserta gambar terkini lokasi korekan apabila siap kerja di tapak untuk pengeluaran Notis Siap Kerja dengan tempoh kecacatan (Liability Period) dua belas (12) bulan oleh pihak Majlis kepada pemohon.
- Sekiranya pihak Majlis tidak menerima apa-apa maklumbalas daripada pihak tuan dalam tempoh 60 hari dari tarikh tamat tempoh kecacatan (perkara 13), maka wang cagaran dalam jumlah seperti mana resit cagaran akan dimasukkan ke dalam akaun Hasil Majlis.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"IPOH BESTARI SEJAHTERA"

"IPOH BANDAR RAYA PELANCONGAN UTAMA NEGARA 2025"

"IPOH BANDAR RAYA PINTAR DAN RENDAH KARBON 2030"

DILULUSKAN OLEH:

(A'ZMAN BIN MOHD HARUN)
Pengerah Kerja Awam
b.p Datuk Bandar Ipoh

"PERAK SEJAHTERA 2030"